



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

### Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET PROGRAM RE-DRIVE BERI MANFAAT PROSPEK BINA KEHIDUPAN BAHARU SELEPAS DIBEBAHKAN

SUMBER : BERNAMA - 27 OGOS 2026

### TVET Program Re-Drive Beri Manfaat Prospek Bina Kehidupan Baharu Selepas Dibebaskan

🕒 27/08/2026 05:35 PM



Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penutup Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Re-Drive "Memperkasa Prospek Dengan Kemahiran Automotif Alaf Baharu" di Pusat Koreksional Perlis, Jabatan Penjara Malaysia semalam. -- fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

ARAU, 27 Ogos (Bernama) -- Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Program Re-Drive "Memperkasa Prospek dengan Kemahiran Automotif Alaf Baharu" membuka peluang untuk prospek (banduan) membina kehidupan baharu dengan kemahiran yang boleh dimanfaatkan selepas dibebaskan dari penjara.

Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan) Hafidz Othman, yang menjalankan tugas Komisioner Jeneral Penjara, berkata program tersebut memberikan peluang kedua kepada mereka untuk memperbaiki diri dengan kemahiran baharu seterusnya membina masa depan lebih cerah.

Beliau berkata program berimpak tinggi yang bermula sejak tahun lepas itu merupakan hasil idea Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang mencadangkan kerjasama strategik antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Jabatan Penjara Malaysia.

"Langkah itu membuka lembaran baharu, menyatukan dunia akademik dan pemulihan koreksional demi masa depan lebih cerah bagi golongan prospek. Program ini bukan sahaja memberikan peluang kedua, malah juga membekalkan latihan kemahiran teknikal yang tinggi dan relevan dengan industri automotif moden alaf baharu," katanya dalam ucapan pada majlis penutup program itu di Pusat Koreksional Perlis (Jabatan Penjara Malaysia) di sini pada Rabu.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengarah Bahagian Korektif, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Komisioner Penjara Nora Musa.

Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan menyempurnakan majlis penutup itu.



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

### Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : TVET PROGRAM RE-DRIVE BERI MANFAAT PROSPEK BINA KEHIDUPAN BAHARU SELEPAS DIBEBAHKAN

SUMBER : BERNAMA - 27 OGOS 2026

Hafidz berkata sebanyak 20 prospek dari Pusat Koreksional Perlis terlibat dalam program yang merangkumi asas penyelenggaraan dan diagnostik motosikal, asas penukaran serta penajajaran tayar serta asas mengecat.

Beliau berkata keistimewaan program itu adalah latihan teori dan amali dijalankan di universiti selain prospek terus mendapat peluang pekerjaan daripada syarikat berkaitan industri automotif selepas mereka tamat latihan.

"Sokongan dan peluang yang diberikan ini penting bagi membantu mereka berdikari, membina hidup baharu yang stabil serta berintegrasi semula dalam masyarakat dengan penuh maruah.

"Program tersebut akan diteruskan pada masa akan datang bagi memberi peluang kepada lebih ramai prospek mendapatkan kemahiran yang boleh digunakan selepas menjalani hukuman," katanya.

Sementara itu, prospek bagi program itu yang dilepaskan menerusi Program Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL), Hafiz, 30, (bukan nama sebenar) berkata pengalaman mengikuti latihan menerusi program TVET itu memberikan peluang kepadanya mempelajari kemahiran automotif secara lebih profesional.

Hafiz yang menjalani hukuman penjara atas kesalahan penyalahgunaan dadah berkata sebelum ini dia hanya mempunyai sedikit pengetahuan mengenai kemahiran automotif, yang dipelajari secara tidak formal.

"Saya berasa beruntung sebab diberikan peluang macam ini dan saya harap dapat memanfaatkan kemahiran ini selepas saya bebas nanti," katanya.

Seorang lagi prospek yang turut dilepaskan melalui PBSL, Fazli, 44, (bukan nama sebenar) berkata program TVET itu memberikan manfaat kepadanya dalam memahami pelbagai komponen motosikal termasuk kaedah mengesan kerosakan serta menentukan sama ada sesebuah motosikal itu masih selamat digunakan atau sebaliknya.

"Saya bercadang membuka bengkel kecil-kecilan atau menyediakan perkhidmatan automotif secara bergerak selepas dibebaskan nanti.

"Program ini memang dapat membantu prospek seperti kami dan saya berterima kasih kepada Jabatan Penjara serta semua pihak yang terlibat menjayakan program ini," katanya yang menjalani hukuman penjara atas kesalahan penyalahgunaan dadah.

-- BERNAMA